

KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERAKAUNAN SEBAGAI  
PERSEDIAAN KE ALAM PEKERJAAN: SATU TINJAUAN TERHADAP  
PELAJAR-PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI DI POLITEKNIK PORT  
DICKSON

SUHAILA BINTI MADROS

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001

*Untuk abah, emak dan Abang Nazif serta keluarga  
tersayang*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, dengan rahmat dan izin-Nya penulis dapat menghasilkan satu kajian kes bertajuk Tahap Kemahiran Menggunakan Perisian Perakaunan Sebagai Persediaan Ke Alam Pekerjaan: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar-Pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson. Di atas sokongan, bantuan dan kerjasama dari pelbagai pihak maka kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia kajian kes ini, Puan Anika Zafiah bt. Mohd Rus dan penilai, Puan Yusmarwati bt. Yusof di atas segala tunjuk ajar, teguran dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan kajian kes ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Politeknik Port Dickson, terutamanya kepada Encik Kamar bin Musa yang telah memberi kerjasama yang baik dan banyak membantu melicinkan tugas-tugas pengedaran soal selidik.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang ikhlas dari hati ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan penyelidikan ini. Segala sumbangan dan jasa kalian, hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya.

## ABSTRAK

Kajian kes ini adalah berkenaan dengan kemahiran menggunakan perisian-perisian perakaunan yang seharusnya dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar perakaunan sebagai persediaan ke alam pekerjaan. Objektif kajian kes ini adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran pelajar-pelajar perakaunan dalam menggunakan perisian Microsoft Office, perisian perakaunan UBS (*Universal Business Software*) dan perisian perakaunan MYOB (*Mind Your Own Business*). Dalam kajian ini, soal selidik telah diedarkan kepada 80 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) untuk membuat pengiraan kekerapan, peratus dan min. Keputusan yang diperolehi menunjukkan pelajar-pelajar perakaunan di Politeknik Port Dickson mahir dalam menggunakan perisian Microsoft Office seperti Word dan Excel. Namun begitu, didapati mereka kurang mahir dalam menggunakan aplikasi Microsoft Access dan PowerPoint. Pelajar-pelajar juga masih kurang mahir dalam menggunakan perisian perakaunan seperti UBS dan MYOB.

## ABSTRACT

This case study is about the skills of using accounting software that should be mastered by the accounting students as a preparation for them to work. The objective of this case study is to identify their skill level in using Microsoft Office software, UBS accounting software (Universal Business Software) and MYOB accounting software (Mind Your Own Business). In this research, questionnaires are distributed to 80 final year students of Diploma in Accountancy at Port Dickson Polytechnic, Negeri Sembilan. Data analysis is done by using SPSS software (Statistical Package for Social Sciences) to obtain frequency, percentage and mean calculation. Result indicate that accounting students are skillful in using Microsoft Office software such as Microsoft Word and Microsoft Excel. However, they still lack of skills in using Microsoft Access and Microsoft PowerPoint. The students also lower skills in using accounting software such as UBS and MYOB.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Soalan Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.5.1 Politeknik	6
	1.5.2 Pelajar	7
	1.5.3 Majikan/Industri	7
	1.6 Skop Kajian	7
	1.7 Definisi Istilah	8
	1.7.1 Definisi Konsep dan Operasional	8
	1.7.1.1 Kemahiran	9

1.7.1.2 Perisian Perakaunan	9
1.7.1.3 Persediaan	10
1.7.1.4 Pekerjaan	10

## **BAB II           SOROTAN PENULISAN** 11

2.1    Microsoft Office	14
2.2    Perisian Perakaunan UBS	15
2.3    Perisian Perakaunan MYOB	16

## **BAB III           METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.0    Pengenalan	19
3.1    Rekabentuk Kajian	19
3.2    Responden	20
3.3    Instrumentasi	21
3.3.1 Kajian Rintis	23
3.4    Kaedah Analisis Data	24
3.5    Batasan Kajian	27
3.6    Andaian	27

## **BAB IV           DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

4.1    Pengenalan	28
4.2    Analisis Bahagian I	28
4.2.1 Jantina	29
4.2.2 Umur	30

4.2.3	Tempat Menjalani Latihan Industri	31
4.3	Analisis Bahagian II	32
4.3.1	Analisis Kemahiran Menggunakan Perisian Microsoft Office	33
4.3.2	Kemahiran Menggunakan Perisian Perakaunan UBS	36
4.3.3	Kemahiran Menggunakan Perisian Perakaunan MYOB	37
4.3.4	Sebab-sebab Pelajar Kurang Mahir atau Tidak Mahir Menggunakan Perisian Perakaunan	38
4.3.4.1	Perisian Microsoft Office	39
4.3.4.2	Perisian Perakaunan UBS	40
4.3.4.3	Perisian Perakaunan MYOB	41

## **BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	45
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Tahap Kemahiran Pelajar Perakaunan Menggunakan Perisian Microsoft Office	
5.2.1.1	Microsoft Word	45
5.2.1.2	Microsoft Excel	46
5.2.1.3	Microsoft Access	46
5.2.1.4	Microsoft PowerPoint	47
5.2.2	Tahap Kemahiran Pelajar Menggunakan Perisian Perakaunan UBS	47
5.2.3	Tahap Kemahiran Pelajar Menggunakan Perisian Perakaunan MYOB	48
5.3	Kesimpulan Kajian	48



5.4	Cadangan	49
5.4.1	Pendekatan Pedagogi	49
5.4.2	Meningkatkan Kemudahan Sedia Ada	50
5.4.3	Kemahiran Pensyarah	50
5.4.4	Tugasan	51
5.4.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	51
5.5	Penutup	52

## **SENARAI DOKUMEN RUJUKAN**

53

## **LAMPIRAN**

Lampiran A - C

55 - 62



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Analisis pilihan jawapan responden berdasarkan skala Likert	25
3.2	Jadual tafsiran min	25
4.1	Latar belakang responden berdasarkan jantina	29
4.2	Latar belakang responden berdasarkan umur	30
4.3	Latar belakang responden berdasarkan tempat menjalani latihan industri	31
4.4	Kemahiran menggunakan perisian Microsoft Office	33
4.5	Min tahap kemahiran responden menggunakan Microsoft Word	34
4.6	Min tahap kemahiran responden menggunakan Microsoft Excel	34
4.7	Min tahap kemahiran responden menggunakan Microsoft Access	35
4.8	Min tahap kemahiran responden menggunakan Microsoft PowerPoint	36
4.9	Kemahiran menggunakan perisian perakaunan UBS	36
4.10	Min tahap kemahiran responden menggunakan perisian perakaunan UBS	37
4.11	Kemahiran pelajar-pelajar menggunakan perisian perakaunan MYOB	38
4.12	Min tahap kemahiran responden menggunakan perisian MYOB	38

4.13	Sebab-sebab pelajar tidak mahir atau kurang mahir menggunakan perisian Microsoft Office	39
4.14	Sebab-sebab pelajar tidak mahir atau kurang mahir menggunakan perisian perakaunan UBS	40
4.15	Sebab-sebab pelajar tidak mahir atau kurang mahir menggunakan perisian perakaunan MYOB	41
4.16	<i>Output Group Statistic</i>	43
4.17	<i>Output Independent Samples Test</i>	43
5.1	Tahap kemahiran pelajar menggunakan perisian Perakaunan	49



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Peratus responden berdasarkan jantina	29
4.2	Peratus responden berdasarkan umur	30
4.3	Peratus responden berdasarkan tempat menjalani latihan industri	31



**PTTA UTHIM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Contoh borang soal selidik	55
B	Analisis Kebolehpercayaan (Alpha Cronbach)	61
C	Surat kebenaran untuk menjalankan kajian	62



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

Teknologi komputer pada hari ini berkembang begitu pesat sekali. Penggunaan komputer telah memberi kesan yang besar dalam setiap bidang usaha manusia. Tidak dinafikan kini tanpa bantuan komputer, kerja-kerja yang dilakukan menjadi tidak cekap dan mungkin tidak dapat dilaksanakan langsung. Sejak dahulu lagi, manusia telah mencari pelbagai cara yang lebih cekap untuk mendapatkan dan memproses data. Setiap perniagaan dan industri, tidak kira saiz dan tujuannya, mengambil berat tentang pemrosesan data untuk memastikan maklumat terkini dan jitu disediakan. Kebanyakan peniaga dan usahawan telah menjadikan komputer sebagai sebuah platform serbaguna yang dapat digunakan untuk pelbagai tugas.

Dalam pembangunan menyeluruh teknologi maklumat, secara tidak langsung bidang perakaunan mengalami perubahan-perubahan yang positif dari segi meningkatkan kecekapan dan keupayaan dalam menjalankan kerja-kerja perakaunan. Kemajuan-kemajuan yang dicapai telah mengubah peralatan-peralatan yang digunakan oleh para akauntan dalam melakukan tugas-tugas menyimpan kira dan merekod data-data perniagaan terutama sekali apabila munculnya komputer. Kini komputer telah mengurangkan fungsi penggunaan alat tulis, kalkulator dan kerja oleh para akauntan dalam pengurusan data perniagaan dan menyimpan rekod-rekod perakaunan. Menurut Douglas Prawitt, *et. al* (1997), penggunaan komputer kini telah digunakan cukup meluas untuk melaksanakan tugas-tugas perakaunan – daripada mengepos catatan urusanniaga sehingga menyediakan laporan kewangan, daripada membentuk perniagaan sehingga mengurus aset-aset tetap.

Para akauntan kini juga telah menggunakan '*high-tech accessories*' iaitu produk-produk perisian komputer untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Biasanya syarikat-syarikat dan jabatan kerajaan akan menggunakan atau melanggan salah satu perisian perakaunan untuk mengurus kerja-kerja perakaunan dan kewangan. Penggunaan perisian-perisian ini bukan sahaja sebagai mengikut arus perubahan dan permodenan semata-mata, tetapi juga kerana penggunaannya memudahkan kerja-kerja pengurusan akaun, menjimatkan masa, menjimatkan ruang, menjamin keselamatan data dan keupayaan yang tidak boleh dipertikaikan. Tambahan pula, perisian-perisian perakaunan masa kini '*user friendly*' yang mudah digunakan dan dikendalikan.

Kemajuan dan perubahan ini perlu diambil perhatian oleh pihak politeknik sebagai sebuah institusi pendidikan yang melahirkan graduan-graduan di dalam bidang perakaunan. Politeknik merupakan sebuah institusi pendidikan yang berfungsi untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam bidang teknik dan vokasional. Melihat kepada kepentingan penggunaan komputer dan perisian-perisiannya sebagai keperluan dalam bidang perakaunan, maka politeknik telah menawarkan satu kursus atau mata pelajaran iaitu Sistem Perkomputeran Perakaunan yang mendedahkan pelajar-pelajarnya dengan penggunaan komputer dan beberapa perisian (*software*). Kursus ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntansi semester 3 kerana mereka perlu didedahkan dengan penggunaan komputer sebelum mereka menjalani program latihan industri di syarikat-syarikat swasta atau badan-badan kerajaan pada semester berikutnya.

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Pada masa kini terdapat pelbagai perisian komputer di pasaran yang boleh membantu tugas-tugas menyimpan kira data-data perniagaan. Penggunaan perisian ini tidak bergantung kepada saiz perniagaan atau pertubuhan. Ia digunakan secara meluas oleh syarikat-syarikat besar dan kecil, organisasi perniagaan dan organisasi bukan perniagaan, sekolah-sekolah dan pihak kerajaan.

Perisian-perisian aplikasi yang terdapat di pasaran pada masa ini ialah Microsoft Office, Dbase, Borlan C++ dan sebagainya. Perisian-perisian ini digunakan untuk pemprosesan kata (*word processing*), aplikasi pangkalan data (*database*), aplikasi lembaran kerja (*spreadsheet*) dan persembahan grafik. Kini semakin banyak syarikat yang menggunakan perisian perakaunan dalam operasi perniagaan mereka. Pemilihan perisian yang dibuat perlu bersesuaian dengan jenis perniagaan dan bergantung kepada peruntukan kewangan mereka. Dari segi harga, terdapat produk perisian yang agak murah sehinggalah kepada produk yang memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Antara perisian-perisian perakaunan yang terdapat di pasaran masa kini ialah UBS, MYOB, ACCPAC, FACT, DacEasy, Peachtree, Acctrack, Mr. Accounting, Quicken, Sage, Quickbooks dan banyak lagi.

Walaupun terdapat banyak perisian-perisian aplikasi dan perakaunan yang ditawarkan di dalam pasaran, namun begitu tidak semua perisian ini sesuai digunakan oleh syarikat-syarikat, organisasi bukan perniagaan dan badan-badan kerajaan. Ini kerana sesetengah perisian hanya sesuai untuk jenis perniagaan yang tertentu sahaja. Berdasarkan permintaan pasaran pada masa kini, perisian aplikasi yang menjadi pilihan para akauntan dan penyimpan kira adalah perisian Microsoft Office. Ini kerana ia telah menggabungkan beberapa aplikasi komputer seperti pemprosesan kata (Microsoft Word), hamparan helaian (Microsoft Excel), pangkalan data (Microsoft Access) dan persembahan grafik (Microsoft PowerPoint). Selain itu, perisian ini sesuai digunakan untuk semua jenis perniagaan tanpa mengira saiz dan operasi. Perisian ini banyak membantu bukan sahaja kerja-kerja perakaunan tetapi juga memudahkan kerja-kerja perkeranian, persembahan dan pembentangan kertas kerja serta penyediaan laporan.

Perisian perakaunan yang banyak digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia ialah pakej perakaunan UBS (*Universal Business Software*). Perisian ini menjadi pilihan kerana ia sesuai digunakan oleh banyak industri seperti perniagaan perdagangan, perniagaan perkilangan, syarikat kontraktor, pasaraya-pasaraya, organisasi bukan perniagaan, perniagaan perkhidmatan, institut latihan dan perniagaan perkhidmatan perakaunan. Selain itu, perisian ini mudah digunakan dan tidak memerlukan kemahiran yang tinggi untuk mengendalikannya. Pengguna-



pengguna perisian ini juga hanya memerlukan pengetahuan asas perakaunan sahaja untuk menyediakan catatan-catatan akaun, imbangan duga, Akaun Untung Rugi, Kunci Kira-Kira dan Akaun Perkilangan dengan adanya bantuan perisian UBS.

Selain daripada pakej perakaunan UBS, satu lagi perisian perakaunan yang mendapat sambutan dan banyak digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia ialah pakej perakaunan MYOB (*Mind Your Own Business*). Perisian ini sangat sesuai digunakan oleh syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana. Perisian ini juga mudah dikendalikan, pantas, menambah produktiviti dan meningkatkan peluang-peluang perniagaan untuk kemajuan syarikat. Selain daripada membantu kerja-kerja penyediaan penyata kewangan, perisian ini juga boleh mengurus data-data pekerja seperti pengurusan gaji, mengendalikan urusan yang melibatkan pertukaran mata wang asing dan mengawal stok.

Dalam hal ini, peranan politeknik adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar yang mahir dan berkebolehan menggunakan komputer dan perisian-perisian tersebut. Oleh itu, kurikulum di politeknik haruslah selari dengan keperluan pasaran industri supaya pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari di politeknik apabila bekerja kelak.

## 1.2 Penyataan Masalah

Oleh kerana perisian perakaunan sangat luas penggunaannya pada masa kini, maka kemahiran ini perlu dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar supaya mereka dapat menggunakan kemahiran tersebut semasa bekerja. Pelajar-pelajar perakaunan seharusnya boleh menggunakan perisian-perisian perakaunan ini untuk menyediakan maklumat-maklumat perakaunan seperti catatan akaun, imbangan duga, Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-kira. Di samping itu mereka perlu mahir menggunakan perisian aplikasi untuk mencipta fail pangkalan data; menyediakan persembahan grafik; dan menyedia, memproses, menyunting, memformat dan mencetak teks. Oleh itu, pendedahan yang mantap dalam penggunaan perisian-perisian perakaunan

sebelum berhadapan dengan situasi bekerja yang sebenar akan dapat memberi keyakinan kepada pelajar-pelajar. Dengan ini, pengkaji telah menjalankan kajian untuk mengetahui tahap kemahiran pelajar-pelajar jurusan Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson menggunakan perisian Microsoft Office, perisian perakaunan UBS dan MYOB sebagai persediaan ke alam pekerjaan.

### 1.3 Soalan Kajian

1. Adakah pelajar-pelajar perakaunan di politeknik mahir menggunakan perisian Microsoft Office ?
2. Adakah pelajar-pelajar perakaunan di politeknik mahir menggunakan perisian perakaunan UBS ?
3. Adakah pelajar-pelajar perakaunan di politeknik mahir menggunakan perisian perakaunan MYOB ?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran menggunakan perisian perakaunan mengikut jantina ?

### 1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dibuat bertujuan untuk meninjau sejauhmana penguasaan pelajar-pelajar perakaunan terhadap kemahiran menggunakan perisian perakaunan sebagai persediaan untuk bekerja. Penyelidikan ini meliputi:

1. Mengenalpasti sama ada pelajar-pelajar perakaunan telah mahir menggunakan perisian Microsoft Office.

2. Mengenalpasti sama ada pelajar-pelajar perakaunan telah mahir menggunakan perisian perakaunan UBS.
3. Mengenalpasti sama ada pelajar-pelajar perakaunan telah mahir menggunakan perisian perakaunan MYOB.
4. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap kemahiran menggunakan perisian perakaunan tersebut antara jantina.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pihak-pihak seperti politeknik, pelajar dan pihak majikan/industri.

### **1.5.1 Politeknik**

Kepada pihak politeknik, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pihak politeknik amnya dan Jabatan Perdagangan khususnya menilai sama ada kurikulum yang sedia ada bersesuaian atau sebaliknya dengan keperluan industri masa kini. Hasil daripada kajian ini akan membantu pihak politeknik untuk memilih perisian-perisian perakaunan yang relevan dan banyak digunakan oleh syarikat-syarikat dan jabatan-jabatan kerajaan pada masa kini dan pada masa akan datang seterusnya perisian tersebut perlu didedahkan kepada pelajar-pelajar mereka. Ini kerana kurikulum di politeknik perlu selari dengan aplikasi sebenar oleh pihak industri supaya ilmu dan kemahiran terutamanya dalam kemahiran menggunakan perisian perakaunan dapat digunakan oleh pelajar-pelajar dalam situasi sebenar semasa bekerja kelak.

### **1.5.2 Pelajar**

Kepada pihak pelajar, semoga kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar perakaunan khususnya bahawa mereka perlu sama-sama melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini selari dengan kepesatan dalam teknologi komunikasi dan multimedia terutama sekali yang bersangkutan-paut dengan bidang perakaunan. Pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer dan perisian perakaunan kini sangat penting untuk berjaya dalam kerjaya di bidang perakaunan.

### **1.5.3 Majikan/Industri**

Kajian ini juga memudahkan pihak majikan sekiranya mereka mengambil pekerja-pekerja baru lulusan politeknik kerana mereka telah mengetahui sejauhmana pendedahan yang diberikan kepada pelajar politeknik dalam menggunakan perisian komputer. Oleh itu, mereka tidak perlu lagi memberi tunjuk ajar mengenai kemahiran asas untuk menggunakan perisian-perisian perakaunan kepada pekerja-pekerja baru terutamanya pelajar-pelajar yang belum mempunyai pengalaman bekerja.

### **1.6 Skop Kajian**

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kepada tahap kemahiran pelajar-pelajar perakaunan di dalam menggunakan perisian perakaunan sebagai persediaan untuk ke alam pekerjaan. Kajian ini dibuat ke atas pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson.

Pengkaji hanya memilih pelajar-pelajar perakaunan di Politeknik Port Dickson kerana:

1. Kurikulum di Politeknik Port Dickson adalah sama di mana-mana politeknik seluruh Malaysia yang ada menawarkan kursus perakaunan.
2. Politeknik Port Dickson terletak berhampiran dengan bandar-bandar besar yang pesat membangun. Dijangka ramai pelajar politeknik ini pernah menjalani latihan industri di syarikat-syarikat yang besar dan telah terdedah dengan penggunaan perisian perakaunan.

## 1.7 Definisi Istilah

Tajuk kajian di dalam tinjauan ini akan didefinisikan berdasarkan dua jenis definisi iaitu definisi konsep dan definisi operasional.

### 1.7.1 Definisi Konsep dan Operasional

Definisi konsep adalah suatu definisi yang dibuat oleh satu badan atau individu yang mempunyai aktiviti dalam bidang bahasa atau berdasarkan kajian-kajian yang dibuat. Biasanya definisi konsep ini diiktiraf dan tidak perlu dipersoalkan lagi.

Definisi operasional pula merupakan definisi perkataan yang termasuk dalam tajuk sesuatu kajian dan didefinisikan pada matlamat atau kajian itu dijalankan agar ia tidak lari dari matlamat asal kajian dijalankan.

### 1.7.1.1 Kemahiran

Menurut Kamus Dewan (2000), kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian. Perkataan **kemahiran** di dalam kajian ini bermaksud kecekapan dan kebolehan pelajar-pelajar perakaunan tahun akhir menggunakan perisian perakaunan seperti perisian Microsoft Office, perisian perakaunan UBS dan perisian perakaunan MYOB.

### 1.7.1.2 Perisian Perakaunan

Menurut Kamus Dewan (2000), perisian bermaksud program atau aturcara komputer yang dapat digunakan dengan sistem komputer tertentu. Menurut Kamus Komputer (1995) pula, perisian adalah istilah generik bagi semua komponen sistem komputer yang tidak ketara dan bukan berbentuk fizikal.

Menurut Kamus Dewan (2000), perakaunan adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan akaun. Perkataan **perisian perakaunan** di dalam kajian ini merujuk kepada program komputer yang dicipta untuk membantu tugas-tugas perakaunan. Ia juga termasuk pakej perisian perakaunan. June Jamrich Persons, *et. al* (1995), menyatakan "*Accounting Software is designed to computerize the book keeping tasks typically required in most businesses.*" Di dalam kajian ini, perisian yang akan diberi tumpuan ialah perisian Microsoft Office, perisian perakaunan UBS (*Universal Business Software*) dan perisian perakaunan MYOB (*Mind Your Own Business*).

Perisian Microsoft Office merupakan gabungan beberapa perisian aplikasi komputer seperti pemprosesan kata (Microsoft Word), hamparan helaian (Microsoft Excel), pangkalan data (Microsoft Access) dan persembahan grafik (Microsoft PowerPoint).

Perisian perakaunan UBS (*Universal Business Software*) adalah perisian yang dapat membantu dan memudahkan kerja-kerja perakaunan seperti merekod catatan urusanniaga perniagaan, menyediakan akaun-akaun, mengepos catatan urusanniaga ke lejar am, membuat laporan kewangan dan banyak lagi.

Perisian perakaunan MYOB (*Mind Your Own Business*) juga merupakan perisian yang digunakan untuk meringankan dan memudahkan kerja-kerja mengurus data perniagaan termasuklah kerja-kerja perakaunan dan pengurusan kewangan.

### 1.7.1.3 Persediaan

Menurut Kamus Dewan (2000), persediaan bermaksud persiapan atau menyediakan. Perkataan **persediaan** di dalam kajian ini merujuk kepada persiapan yang dibuat oleh pelajar-pelajar tahun akhir sebelum menceburkan diri di dalam bidang pekerjaan terutamanya kemahiran menggunakan perisian perakaunan.

### 1.7.1.4 Pekerjaan

Menurut Kamus Dewan (2000), pekerjaan bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai tanggungjawab, kewajipan, tugas; sesuatu (usaha, kegiatan, dan sebagainya) yang dilakukan secara berterusan (dari sehari ke sehari) untuk keperluan hidup, usaha atau kegiatan untuk mendapatkan wang pencarian. Perkataan **pekerjaan** di dalam kajian ini merujuk kepada kerjaya yang akan diceburi oleh pelajar-pelajar perakaunan selepas tamat pengajian di politeknik.

## BAB II

### SOROTAN PENULISAN

Tinjauan yang dibuat oleh pengkaji adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran pelajar-pelajar perakaunan di politeknik menggunakan perisian perakaunan. Pendedahan tentang penggunaan perisian perakaunan ini sangat penting kerana ia kini digunakan secara meluas di syarikat-syarikat, firma-firma dan jabatan-jabatan kerajaan. Oleh itu, pelajar-pelajar di politeknik perlu memahirkan diri menggunakan perisian-perisian perakaunan kerana kemahiran ini amat berguna sebagai persediaan untuk ke alam pekerjaan.

Tujuan politeknik ditubuhkan adalah untuk melahirkan tenaga-tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam bidang teknik dan vokasional. Untuk memastikan tenaga kerja yang dilahirkan ini berguna kepada sektor pekerjaan, maka perlu adanya koordinasi di antara kurikulum akademik dengan standard kemahiran yang diperlukan oleh industri.

*“Most industry skill standards make references to academic standards and most of the academic standards call for some types of work applications. In general, however, the workplace applications offered by the academic skills are rarely explicit. Student are sometimes offered ad hoc or isolated of applications, but they can meet the academic standards without necessarily being able to apply their academic skills to realistic work-related problems (Thomas, 1997: 4).”*



## SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

Bagranoff, N. A. (1993). "Adopting Commercial Software In The Accounting Classroom: A Focus On Learning." *Journal of Accounting Education*. **11**. 275 – 286.

Collins, J.C. (2000). "Why Accounting Software Are Important In Generating FinancialInfo?" <http://www.accountingsoftwarenews.com/topten/topten.htm>

Decker, C. A. (1996). "Training Transfer: Perceptions of Computer Use Self-Efficacy among Univercity Employees." *Journal of Vocational and Technical Education*. **14**, (2).

Heagy, C. D. and Gallun, R. A. (1994). "Recommended Microcomputer Knowledge For Accounting Graduates: A Survey." *Journal of Accounting Education*. **12**. (3). 205 – 210.

Kamus Dewan (2000). Ed.3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Komputer (1995). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Merritt, D. and Bailey, T. R. (1998). "The Standards-Setting Process In Accounting: Lessons For Education And Workplace Reform." <http://vocserve.berkeley.edu/One/MDS-949.html>

Mohamad Najib b. Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Parsons, J.J. et. al. (1995). "New Perspectives on Computer Concept." A Division of International Thomson Publishing, Inc.

Prewitt, D., Romney, M. and Zarowin, S. (1997). "The Software CPAs Use." *Journal of Accountancy*. Online Publications.  
<http://www.aicpa.org/pubs/jofa/nov97/tech.htm>

Santos, J. Reynold A. (1999). "Cronbach's Alpha: A Tool For Accessing the Reliability of Scales." *Journal of Extension*. **37**. (2). 1 – 5.

Sekaran, U. (1992). "Research Methods For Business: A Skill Building Approach." 2<sup>nd</sup>. ed. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Sumner, M. (1988). "Computers Concepts and Uses." 2<sup>nd</sup>.ed. New Jersey: Prentice Hall.

Thomas, R.B. (1997). "Integrating Academic And Industry Skill Standard." <http://vocserve.berkeley.edu/abstracts/MDS-1001/>

Universiti Teknologi Malaysia (1999). "Panduan Menulis Tesis." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Weygandt, J. J., Kieso, D. E. and Kell, W. G. (1993). "Accounting Principles." 3<sup>rd</sup>. ed. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Wood, M., Cahill, P. and Hicks, J. R. (1997). "Computer Packages As Cognitive Paradigms: Implications For The Education Of Accountants." *Journal of Accounting Education*. **15**. (1). 53 – 69.